

# Keluar dari zon selesa

Atlit sukan boccia gegarkan dunia, tajamkan minda dan belajar bahasa Korea bagi jadi yang terbaik

LAPORAN



HARYANI ISMAIL  
haryani@sph.com.sg

TIDAK pernah terlintas di fikiran Cik Nurulasyiqah Mohammad Taha bahawa dirinya yang kurang upaya akan keluar daripada zon selesa dan bergelar antara olahragawan sukan boccia terbaik di dunia.

Sukan itu bahkan membawanya merangkul dua pingat emas di Sukan Para Asean ke-27 di Myanmar dan sebutir pingat emas lagi di Acara Terbuka Sedunia Montreal di Canada.

Portugal, Ireland, Australia dan United Kingdom juga sudah dijejakinya.

Ketika di bangku Sekolah Perempuan Raffles (RGS), fokusnya lebih tertumpu pada kegiatan Kelab Internet dan aktiviti berbahas.

Sewaktu di Maktab Rendah Kebangsaan (NJC) pula beliau adalah anggota Kelab Video Digital.

Namun, pengalaman membuka mata di Universiti Pengurusan Singapura (SMU) mencorak siswazah perakaunan itu menjadi lebih yakin dan berani mengusahakan sesuatu yang baru.

Itulah titik tolak rangkaian kenalannya bertambah tatkala beliau dilantik sebagai Presiden Kelab Rotari, sebuah persatuan yang menitikberatkan program kemanusiaan, pendidikan dan pertukaran budaya.

Cik Nurulasyiqah, kini 30 tahun, juga mula aktif dalam sukan boccia, yang memerlukan mengungguli seberapa banyak bola ke arah bola sasaran menerusi pelantar yang tersedia.

Memandangkan dirinya yang berkerusi roda dilahirkan dengan sejenis kelumpuhan (*spinal muscular atrophy*), berpunca daripada kerosakan genetik yang menyebabkan kelemahan otot, beliau tidak mampu mengangkat kededua tangannya.

Bagi menjayakan permainan strategi minda ini, beliau bergantung pada seorang pembantu sukan yang menolongnya mengalihkan pelantar mengikut arahan dan perbincangan.

"Sebenarnya, saya hanya memanfaatkan minda dan pertuturan saya. Yang paling mustahak ialah kerjasama padu bersama pembantu sukan saya.

"Dialah yang tolong gerakkan pelantar - seberapa tinggi yang saya mahu atau ke mana arah tujuannya agar bola yang digulingkan mengenai sasaran," ujar Cik Nurulasyiqah yang ditemui di Pusat Sukan



TIADA HAMBATAN BANGUN JAMBATAN PERSAUDARAAN: Cik Nurulasyiqah Mohammad Taha mempelajari bahasa Korea, khususnya bagi membolehkannya berinteraksi dengan olahragawan dan jurulatih sukan boccia dari Korea yang disifatkan sebagai yang terhandal di dunia. - Foto-foto TAUFIK A. KADER

dan Riadah Pasir Ris.

Pertemuan itu dirancang dengan Singapura bakal menyaksikan beberapa belia dinobatkan sebagai pemenang Anugerah Belia Singapura (SYA).

Ini tahun ke-40 anugerah pemberian Majlis Belia Kebangsaan (NYC) itu disampaikan.

Cik Nurulasyiqah, yang mengharumkan nama Singapura di peta dunia dan memperkaya jiwa masyarakat dengan pencapaiannya, adalah penerima SYA tahun lalu.

## SEMANGAT KENTAL SELAGI BERNAFAS

Melihat anak sulung dalam tiga beradik ini berdikari dan cekal melalui tempoh persekolahan bertahap-tahap di sekolah aliran

utama, tertanya-tanya, pernahkah wujud satu tempoh apabila beliau berasa dirinya diperkecilkan?

"Saya amat bertuah kerana tidak pernah dibuli rakan sebaya. Rakan sedarjah suka membantu dan meringankan bebanan saya. Guru-guru saya pun melayan saya seperti pelajar biasa. Sekitaran bermotivasi di RGS juga banyak membantu," jelasnya sambil tersenyum.

Cik Nurulasyiqah yang buat masa ini bercuti tanpa gaji daripada tugasnya sebagai juruaudit cukai di Penguasa Hasil Mahsul Singapura (Iras) juga melalui proses getir permohonan kerja seperti lulusan universiti lain.

"Saya ingat lagi, sebanyak 82 permohonan dikirimkan kepada bakal majikan.

Hanya beberapa permohonan sahaja diterima dan akhirnya, saya dilamar Iras yang banyak menyokong kerjaya sukan saya," katanya yang telah tujuh tahun betah bekerja.

Cuti tanpa gaji itu pula diambil kerana beliau perlu fokus bagi persiapan ke beberapa sukan di luar negara. Impian utamanya ialah ke Sukan Paralimpik Musim Panas 2016 di Rio de Janeiro, Brazil, tahun depan.

"Saya akur jangka hayat golongan seperti saya tidak panjang. Keadaan kami menjadi lemah dari masa ke masa. Tapi ini tidak bermakna kita setakat pasrah. Kita harus lakukan apa yang kita idamkan selagi hayat masih ada. Kita harus berani dan tak boleh takut-takut.

"Jangan kata 'tak boleh', tapi teruskan belajar, bekerja atau buru cita-cita anda. Kita tak tahu apa yang terbentang luas buat kita pada masa akan datang," pesannya.

## ADIK JUGA CEBURI BOCCIA

Percaya pada wujudnya hikmah dalam setiap kesukaran, Cik Nurulasyiqah juga menyifatkan boccia sebagai sukan yang mengakrabkan dirinya dengan adiknya, Cik Nurulsyahirah, 28 tahun.

Dalam pertandingan sulungnya di luar negara iaitu bagi Kejuaraan Boccia Sedunia 2010 di Portugal, beliau diuji dengan visa

pembantu sukannya tidak diluluskan.

"Lagi dua minggu nak berangkat, perkara ini berlaku. Adik saya bak bidan terjun datang membantu. Dia perlu belajar segalanya daripada saya tentang sukan boccia dalam masa yang agak singkat!

"Hikmahnya, kami dapat melancong bersama. Hasilnya, saya bawa pulang pingat gangsa! Tak lama lagi adik saya pun akan ikut serta berlatih dengan saya kerana timbul minat buatnya jadi pembantu sukan," katanya.

## BELAJAR BAHASA KOREA DAN MELUKIS

Dalam usaha memperbaiki dirinya, Cik Nurulasyiqah juga mengikuti kursus bahasa Korea bagi membolehkannya berinteraksi dengan pesaing dari negara itu yang merupakan antara terbaik di dunia.

Penerima Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Spex) itu juga belajar melukis dan memberi ceramah kepada pelajar di sekolah aliran utama dan khas serta mengendalikan bengkel boccia.

"Ia pengalaman yang memperkaya pengetahuan saya tentang kemudahan sekolah khas khususnya. Saya juga dapat mengikis salah tanggapan orang ramai bahawa sukan boccia ini membosankan. Wah, ia sukan selesa tapi benar-benar mencabar minda," katanya lagi.



STRATEGI MINDA: Cik Nurulasyiqah menganggap boccia sebagai sukan yang menguji ketajaman minda dan ketepatan mengguling bola atas pelantar bagi mengena sasarannya.



ADIKKU PENYELAMATKU: Cik Nurulasyiqah mengembara ke Kejuaraan Boccia Sedunia di Portugal bersama adiknya, Cik Nurulsyahirah (*kanan*), yang terpaksa bertindak bak pembantu sukan secara darurat apabila visa pembantu asal tidak diluluskan. - Foto ihsan NURULASYIQAH MOHAMMAD TAHA